



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

*Malaysian Palm Oil Board*

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi  
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (5) 04/C/P/NKD/656-1

13 Ogos 2021

**SEMUA PEMEGANG LESEN KATEGORI ESTET (ET)**

Tuan,

**PERINGATAN KEPERLUAN MEMOHON DAN MEMILIKI LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN) DI DALAM LADANG**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sila ambil maklum, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, tiada pengecualian lesen bagi aktiviti menghasilkan bahan tanaman kelapa sawit untuk ditanam dalam ladang sendiri. Sehubungan itu, pemegang lesen kategori Estet (ET) yang ingin membuat tapak semaihan kelapa sawit di dalam ladang untuk kegunaan sendiri adalah dikehendaki memohon dan memiliki lesen kategori Tapak Semaian (NN) daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

3. MPOB ingin mengingatkan bahawa aktiviti menghasil, menyimpan dan menjual anak benih kelapa sawit tanpa lesen adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005. Kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

4. MPOB amat menghargai di atas keprihatinan semua pemegang lesen MPOB dalam mematuhi peruntukan perundungan MPOB yang masih berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**

Ketua Pengarah

